



Standard Operating Procedure (SOP) Pencegahan Covid-19

bagi tujuan Pengambilan Surat Tamat Pengajian, Skrol Ijazah dan Transkrip Akademik Rasmi

Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM

1. Semua bakal graduan perlu membenarkan suhu badan diperiksa oleh petugas kesihatan setiap kali memasuki pintu masuk kampus. Bakal graduan yang dikesan mempunyai suhu melebihi 37.5°C tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus;
2. Semua bakal graduan perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya pengamalan kebersihan diri, penjarakan fizikal, memakai pelitup separuh muka dan pemeriksaan suhu badan;
3. Memuat turun aplikasi MySejahtera untuk merekod kehadiran;
4. Membawa cecair pembasmi kuman yang mencukupi;
5. Mematuhi apa-apa arahan petugas keselamatan dan kesihatan ketika berada dalam Kawasan kampus;
6. Mematuhi apa-apa arahan urus setia Bahagian Pengurusan Akademik ketika berada di kawasan menunggu Bilik Cetak, Bangunan Canselori;
7. Menghindarkan diri daripada hadir dan berada dalam kawasan Kampus serta mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mempunyai sebarang gejala jangkitan COVID-19 seperti yang dihebahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
8. Bakal graduan dari kawasan zon merah tidak dibenarkan hadir untuk mengambil Surat Tamat Pengajian, Skrol Ijazah dan Transkrip Akademik Rasmi sehingga kawasan graduan tersebut bertukar ke kawasan zon hijau/kuning.
9. Bakal graduan wajib mengisi Borang Saringan Kesihatan sehari sebelum hadir ke kampus bagi tujuan pengesahan kesihatan dan status zon.